SIARAN MEDIA
Untuk Siaran Segera

mySalam Perkasa Literasi Kewangan Mahasiswa ke Pentas Nasional, Gabenor Bank Negara Malaysia Sampaikan Hadiah Utama

Lebih 3,000 Mahasiswa sertai National BijakWang Challenge 2026

24 Oktober 2026, Shah Alam: Penganjuran *National BijakWang Challenge 2026* anjuran mySalam yang diuruskan sepenuhnya oleh Great Eastern Takaful Berhad dengan sokongan Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) mencapai matlamatnya untuk melahirkan lebih ramai graduan yang celik kewangan dan bijak menguruskan kewangan peribadi.

Pertandingan yang menghimpunkan lebih 3,000 peserta itu membuka peluang kepada mahasiswa dari seluruh negara untuk menguji pengetahuan, kemahiran dan kebijaksanaan dalam pengurusan kewangan menerusi pendekatan interaktif.

Sebelum mara ke pentas akhir yang bertempat di Central i-City Mall, Shah Alam, jelajah BijakWang Challenge 2026 oleh mySalam telah merentasi lima zon, iaitu Utara, Timur, Tengah, Selatan dan Borneo, bagi mencari wakil terbaik dalam kalangan mahasiswa. Peserta yang berjaya melepasi peringkat saringan dan separuh akhir kemudian membawa nama universiti serta zon masing-masing ke pentas akhir kebangsaan.

Ketua Skim mySalam di Great Eastern Takaful Berhad, En. Syuhaib Ithnin berkata, BijakWang Challenge 2026 menjadi platform pembelajaran yang menggabungkan elemen pengetahuan, kemahiran dan pemikiran strategik dalam aspek pengurusan kewangan.

Katanya, pendedahan berkenaan penting sebagai persediaan kepada mahasiswa sebelum melangkah ke alam pekerjaan yang semakin mencabar, selain membantu mereka membuat keputusan kewangan yang lebih bijak pada masa hadapan.

“Alhamdulillah, sambutan terhadap pertandingan ini amat menggalakkan. Bagi saya, hadiah keseluruhan berjumlah RM30,000 hanyalah pemangkin dalam menjayakan inisiatif ini. Nilai sebenar pertandingan ini terletak pada kesungguhan dan minat para peserta untuk mengetahui lebih lanjut mengenai literasi kewangan sebagai persediaan menghadapi alam pekerjaan.

Melihat kepada kejayaan dan sambutan pada kali ini, kami tidak menolak kemungkinan untuk meneruskan pertandingan ini pada masa akan datang bagi memastikan usaha mendidik golongan mahasiswa mengenai kepentingan literasi kewangan dapat diteruskan,” katanya.

Pendekatan permainan interaktif dengan penggabungan konsep gamifikasi yang digunakan dalam BijakWang Challenge 2026 bertujuan membantu melahirkan generasi muda yang lebih celik kewangan melalui kaedah pembelajaran yang menyeronokkan dan mudah difahami.

“Cabaran kewangan pada masa ini semakin kompleks, namun pendidikan berkaitan perancangan kewangan masih belum diajar secara meluas di institusi pengajian tinggi (IPT). Justeru, mySalam mengambil pendekatan untuk membantu generasi muda meningkatkan literasi kewangan melalui kaedah interaktif, menyeronokkan dan mudah difahami,” katanya lagi.

Menurut En. Syuhaib, selain meningkatkan pengetahuan dalam pengurusan kewangan, penyertaan dalam pertandingan itu turut memberi peluang kepada mahasiswa untuk mencabar keupayaan diri, membina keyakinan serta membawa nama universiti dan zon masing-masing ke peringkat kebangsaan.

Rizarina binti Kaman dari Universiti Utara Malaysia dan Zon Utara muncul sebagai juara BijakWang Challenge 2026, sekali gus membawa pulang hadiah wang tunai berjumlah RM5,000. Tempat kedua dimenangi oleh Muhammad Zulfadhli bin Zamhari dari UiTM Cawangan Sarawak, Kampus Samarahan 2 manakala tempat ketiga menjadi milik Izmar Alfi bin Zamri dari UiTM Kampus Bukit Besi.

Kejayaan itu menyaksikan para pemenang mengetepikan cabaran peserta lain menerusi penguasaan ilmu kewangan, kemahiran membuat keputusan dan strategi yang digunakan sepanjang pertandingan.

Hadiah kepada para pemenang disampaikan oleh Gabenor Bank Negara Malaysia (BNM), YBhg. Datuk Seri Abdul Rasheed Ghaffour, dengan diiringi Wakil Lantikan Great Eastern Takaful Berhad, Pn. Jasveen Kaur Marne.

Pusingan akhir *National BijakWang Challenge 2026* diadakan di pentas Karnival Celik Kewangan (KCK) yang berlangsung pada 23 hingga 25 Oktober 2026. Acara tahunan anjuran BNM itu menghimpunkan pelbagai institusi dan agensi dalam industri kewangan sebagai pempamer bagi memberi peluang kepada pengunjung mendapatkan maklumat, khidmat nasihat serta panduan pengurusan kewangan. Pelbagai aktiviti interaktif turut diadakan bagi memupuk literasi kewangan dan membantu pengunjung membuat keputusan kewangan yang lebih bijak dalam kehidupan seharian.

Sehingga 15 Oktober lalu, lebih dua juta penerima telah menerima manfaat mySalam dengan jumlah bayaran tuntutan melebihi RM1.57 bilion.

Orang ramai juga boleh mendapatkan bantuan secara langsung di kiosk mySalam yang beroperasi di hospital kerajaan bagi memudahkan urusan tuntutan. Maklumat lanjut mengenai skim berkenaan boleh diperoleh menerusi laman sesawang rasmi www.mysalam.com.my.

-TAMAT-

MENGENAI GREAT EASTERN TAKAFUL BERHAD

Great Eastern Takaful Berhad adalah syarikat usaha sama antara i Great Capital Holdings Sdn Bhd (i-Great), anak syarikat Great Eastern Holdings Limited dan Koperasi Angkatan Tentera (M) Berhad. Sejak ditubuhkan pada tahun 2010, Great Eastern Takaful komited dalam menyediakan produk perlindungan takaful keluarga komprehensif yang memberi perlindungan kesihatan dan kewangan patuh syariah dalam usahanya untuk merapatkan jurang perlindungan di kalangan rakyat Malaysia, termasuk kumpulan berpendapatan rendah (B40). Menzahirkan pendekatan Takaful untuk Semua, operasi perniagaan GETB disokong oleh pelbagai saluran pengedaran, rakan perniagaan korporat dan perbankan untuk terus mengukuhkan kedudukannya dalam industri dan memenuhi keperluan perlindungan para pelanggan.
Melangkaui operasi perniagaan, Great Eastern Takaful juga giat menjalankan pelbagai inisiatif tanggungjawab sosial yang memfokuskan teras tanggungjawab sosialnya – Financial Literacy (GREAT-Pintar) dan Meningkatkan Kualiti Hidup (GREAT-Care) demi kesejahteraan masyarakat.

Aspirasi Great Eastern Takaful untuk mencapai kejayaan bersama rakyat Malaysia adalah terbukti melalui pelbagai anugerah dan pengiktirafan tempatan dan antarabangsa. Antara pengiktirafan terkini adalah “Most Valuable Brand – Takaful Solutions” oleh The BrandLaureate BestBrands Awards, “Penyedia Penyelesaian Takaful Terbaik” oleh Global Islamic Finance Awards (GIFA) serta pelbagai anugerah Takaful Star Awards oleh Persatuan Takaful Malaysia pada tahun 2023. Tahun 2024 menyaksikan Great Eastern Takaful diperakui sebagai “Majikan Terbaik” oleh Anugerah Majikan Terbaik Kincentric, dianugerahkan sebagai “Penyedia Penyelesaian Takaful Terbaik” oleh Global Islamic Finance Awards (GIFA), diiktiraf dengan “Anugerah Inisiatif – Upcycling” oleh ESGBusiness Awards di samping menerima beberapa anugerah lain daripada HR Excellence Awards 2024. Pada tahun 2025, Great Eastern Takaful sekali lagi dinobatkan sebagai Pengendali Takaful Terbaik oleh The BrandLaureate BestBrands Awards selain memenangi tiga anugerah daripada HR Excellence Awards 2025. Untuk maklumat lanjut, sila layari www.greateasterntakaful.com . Great Eastern Takaful juga merupakan ahli PIDM.

Pihak Kerajaan juga telah melantik Great Eastern Takaful sebagai pengurus skim mySalam, yang merupakan skim perlindungan kesihatan nasional yang dikawalselia oleh Bank Negara Malaysia.

Untuk keterangan lanjut, sila hubungi:

Mastura Abd Rahim
Penolong Naib Presiden – Penjenamaan & Komunikasi Korporat
Great Eastern Takaful Berhad
Tel: +6016 - 209 234
E-mel: MasturaAbdRahim@greateasterntakaful.com